



MAJLIS DAERAH BACHOK
BANDAR PELANCONGAN ISLAM
16300 BACHOK
KELANTAN

Tel: 09-7787636

Faks: 09-7789533

PEMBERITAHUAN

IKLAN TAWARAN PAJAKAN, PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN DI STESEN BAS BANDAR BARU JELAWAT, BACHOK

Ruj. Fail : MDB 48/7/4/34/(18)

Tarikh : 14 Julai 2024

1. Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam ingin mempelawa individu atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk memajak, menguruskan dan menyelenggara Stesen Bas Bandar Baru Jelawat yang dilengkapi dengan kategori seperti berikut :-

Bil	Perkara	Bil. Unit/Ruang
1.	Kaunter Tiket	4
2.	Stesen Bas	1
3.	Kiosk Runcit	1
4.	Tandas	1
5.	Surau	1

2. Sesi taklimat dan lawatan tapak akan diadakan sebagaimana jadual di bawah :-

Tarikh : 17 Julai 2024 (Rabu)

Masa : 2.30 Petang

Tempat Taklimat : Bilik Gerakan Majlis Daerah Bachok

3. Hanya individu dan Syarikat yang menyertai taklimat dan lawatan tapak pada Tarikh dan masa yang ditetapkan sahaja dibenarkan untuk membuat permohonan.

SYARAT-SYARAT MEMASUKI TAWARAN

1. Pemohon diwajibkan untuk hadir sesi taklimat dan lawatan tapak yang ditetapkan.
2. Pajakan tahunan dihadkan tidak kurang daripada RM 44,976.00 setahun iaitu bersamaan RM 3,748.00 sebulan dengan kenaikan kadar pajakan 10% bagi setiap tiga (3) tahun perjanjian.
3. Setiap orang yang hendak memasuki tawaran dikehendaki menyimpan wang pertaruhan/deposit sebanyak **RM500.00**. Wang pertaruhan ini akan dikembalikan kepada pemohon yang tidak berjaya manakala pemohon yang berjaya tetapi enggan menerima/menolak tawaran, wang pertaruhan akan dijadikan hasil Majlis Daerah Bachok.

4. Tawaran hendaklah dibuat melalui Borang Tawaran Pajakan yang boleh didapati di Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam dengan harga sebanyak **RM 20.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Sahaja)** senaskhah. Borang tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul beserta dengan resit Am Wang Pertaruhan. Sampul surat tawaran yang telah disempurnakan dan dimeterai hendaklah ditulis atasnya **“TAWARAN PAJAKAN, PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN DI STESEN BAS BANDAR BARU JELAWAT, BACHOK”** dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di pejabat ini dan dialamatkan kepada:

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BACHOK,
16300 BACHOK, KELANTAN.**

Selewat-lewatnya jam **12.00 tengahari** pada **25 Julai 2024 (Khamis)** bersamaan **19 Muharram 1446H**.

5. Pemajak yang berjaya dikehendaki menandatangani surat perjanjian dan menjelaskan bayaran deposit atas kadar tiga (3) bulan pajakan.
6. Bayaran pajakan hendaklah dijelaskan sebelum atau pada 7 haribulan tiap-tiap bulan. Jika pemajak gagal berbuat demikian dalam tempoh tersebut pajakan boleh dibatalkan tanpa sebarang notis.
7. Pemajak dikehendaki menjaga kebersihan dan menyelenggara kawasan stesen bas dan item-item lain sebagaimana No.1 di atas pada setiap masa sepanjang tempoh pajakan hingga pihak majlis berpuas hati.
8. Pemajak yang berjaya boleh memungut bayaran sewa dan hasil bayaran masuk tandas kecuali surau dengan kadar yang difikirkan munasabah oleh pihak majlis.
9. Pemajak hendaklah memberi 30 hari notis jika hendak membatalkan pajakan. Pihak majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran samada tinggi atau sebaliknya. Keputusan Majlis adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
10. Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Kewangan Dan Pengurusan Harta di talian 09-7787630.

Sekian, terima kasih.

“ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”

Saya yang menjalankan amanah,



WAN AHMAD ZAEEM BIN WAN MOHAMAD
Penolong Setiausaha,
b.p: Setiausaha,
Majlis Daerah Bachok BPI